

Pelancongan: PM dukacita tindakan negara maju

UM : 1 DEC 2002

LANGKAWI 30 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh kebanyakan negara maju terhadap Malaysia telah memberi kesan terhadap sektor pelancongan di negara ini.

Perdana Menteri yang dukacita dengan perkara itu berkata, kerajaan telah pun membantah tindakan negara maju mengeluarkan nasihat perjalanan itu.

“Kita dukacitalah kerana nasihat perjalanan ini boleh memberi kesan terhadap negara,” katanya kepada pemberita ketika melawat projek kereta kabel Gunung Machinchang di Teluk Berau di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir mengenai kedatangan pelancong ke Malaysia yang berkurangan antara 100,000 hingga 300,000 sebulan berikutan nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh negara maju.

Dr. Mahathir berkata, walaupun promosi pelancongan Malaysia di luar negara mendapat sambutan baik, tindakan sesetengah negara memasukkan Malaysia dalam senarai nasihat perjalanan telah menakutkan ramai bakal pelancong.

“Kita telah pun membantah nasihat-nasihat perjalanan itu,” jelas beliau.

Puas hati

Ditanya mengenai perkembangan kereta kabel yang telah sebulan beroperasi itu kata Dr. Mahathir, beliau berpuas hati dengan sambutan orang ramai terhadap perkhidmatannya.

Menurut Perdana Menteri, perancangan sedang dibuat untuk membina sebuah jambatan gantung menghubungkan stesen pertengahan dan stesen puncak kereta kabel di Gunung Machinchang itu.

Katanya, pembinaan jambatan gantung bernilai RM2 juta itu akan menambahkan lagi keistimewaan kepada projek kereta kabel yang bernilai RM46 juta itu.

Sempena lawatannya itu juga Dr. Mahathir telah menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pengurusan projek itu di antara Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dengan Syarikat Prasarana Negara Bhd.

Lada diwakili oleh Pengurus Besarnya, Datuk Zainal Karib Abdul Rahim sementara Prasarana Negara Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ridza Abdoh Salleh.

Menurut Ridza, syarikatnya akan mengambil alih pengurusan, operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan kereta kabel berkenaan dalam masa yang terdekat ini.